

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

Isnin, 20 Februari 2023

DISEDIAKAN OLEH :
**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT,
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

Sisa kumbahan ternakan cemari sungai lereh

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
BERITA HARIAN	NASIONAL	20

Sisa kumbahan ternakan cemari Sungai Lereh

JAS diminta pantau aktiviti ternak lembu, kambing elak jejas sistem pengairan


Oleh Nazri Abu Bakar
bhnews@bh.com.my

Melaka: Pencemaran Sungai Lereh yang berlaku kelmarin dipercayai berpunca daripada pembuangan sisa kumbahan aktiviti penternakan lembu dan kambing.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kelebang, Datuk Lim Ban Hong, berkata ia hasil siasatan awal Jabatan Alam Sekitar (JAS) Melaka yang mengambil sampel air sungai berkenaan selepas menerima aduan daripada penduduk setempat.

Menurutnya, JAS akan bekerjasama dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) untuk menyiasat lebih lanjut sama ada sistem kumbahan atau pengendalian kolam takungan di kawasan kandang terbabit bagi mengenal pasti ia mengikut spesifikasi ditetapkan atau tidak.

"Penduduk di sekitar kawasan Sungai Lereh juga mendakwa pen-




Ban Hong meninjau keadaan air Sungai Lereh yang bertukar kehitaman akibat pencemaran.
(Foto Nazri Abu Bakar/BH)

cemaran sungai berkenaan turut berlaku hampir setiap tiga bulan." katanya ketika ditemui pemberita selepas merasmikan Drive Thru Recycling Centre (DTRC) Taman Bukit Rambai yang turut dihadiri Pengarah SWCorp Melaka, Khairuladha Ab Motalib di sini semalam.

Air bertukar hitam

Menurutnya, beliau sudah meminta JAS dan pihak berkaitan untuk memantau isu terbabit kerana sungai berperanan penting merajana aktiviti pertanian sekali gus boleh menjejaskan ekonomi komuniti.

Ban Hong berkata, tinjauan



Pencemaran Sungai Lereh yang berlaku semalam dipercayai berpunca daripada pembuangan sisa kumbahan aktiviti penternakan lembu dan kambing.
(Foto BERNAMA)

mendapati air kehitaman semalam kini sedikit pulih dengan penduduk juga memaklumkan kejadian terakhir kira-kira tiga bulan lalu justeru pemantauan berkala oleh JAS penting untuk mengelak ia berulang.

Kelmarin, tular di aplikasi WhatsApp mengenai pencema-

ran di Sungai Lereh yang menyebabkan air sungai bertukar warna kehitaman dan berakhir di kawasan pantai.

Penduduk Hairi Md Nor, 73, berkata dia yang tinggal berhampiran sungai berkenaan tidak tahan dengan bau busuk yang mengganggu mereka.

Sungai Lereh tercemar akibat sisa kumbahan ternakan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
SINAR HARIAN	NEGERI	28

la hasil siasatan awal JAS Melaka dan aduan penduduk

MELAKA

Sungai Lereh tercemar akibat sisa kumbahan ternakan

Pencemaran Sungai Lereh, di sini yang di-kesan berlaku pada Sabtu dipercayai berpunca daripada pembuangan sisa kumbahan aktiviti penternakan lembu dan kambing. Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kelebang, Datuk Lim Ban Hong berkata, ia hasil siasatan awal Jabatan Alam Sekitar (JAS) Melaka yang mengambil sampel air sungai berkenaan selepas menerima aduan daripada penduduk setempat.

"JAS akan bekerjasama dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) untuk menyiasat lebih lanjut sama ada sistem kumbahan atau pengendalian kolam takungan di kawasan kandang terbabat bagi mengenal pasti ia mengikut spesifikasi ditetapkan atau tidak.

"Penduduk di sekitar kawasan Sungai Lereh juga mendakwa pencemaran sungai berkenaan turut berlaku hampir setiap tiga bulan," katanya ketika ditemui pemberita selepas merasmikan Pusat Kitar Semula Pandu Lalu (DTRC) Taman Bukit Rambai yang turut dihadiri Pengarah SWCorp Melaka Khairuladha Ab Mutalib di sini

pada Ahad.


Ban Hong turut menyeru agar JAS membuat pemantauan secara berkala di sepanjang sungai berkenaan kerana terdapat aktiviti pertanian yang memerlukan sumber air bersih dari sungai tersebut.

Pada Sabtu, tular di aplikasi WhatsApp mengenai pencemaran di Sungai Lereh yang menyebabkan air sungai bertukar warna kehitaman dan berakhir di kawasan pantai.

Mengulas mengenai DTRC tersebut, Ban Hong berkata, ia merupakan pusat kedua seumpamanya dibuka di negeri itu selepas kemudahan pertama dilancarkan di Masjid Tanah di Alor Gajah.

"DTRC berfungsi sebagai pusat pembelian dan pengumpulan barangan kitar semula secara kaedah pandu lalu yang diharap dapat menarik minat masyarakat melaksanakan aktiviti kitar semula dengan lebih cepat dan mudah," katanya.

Menurutnya DTRC Masjid Tanah berjaya mengumpul 561 kilogram (kg) barangan kitar semula pada tahun lepas dan 239.5kg barangan sama sepanjang Januari lalu. - Bernama



Air Sungai Lereh bewarna hitam dan tercemar mengalir memasuki laut dipercayai berpunca daripada pembuangan sisa kumbahan aktiviti penternakan lembu dan kambing.

FOTO: JAS & IHSAN PEMBACA



Penduduk di sekitar kawasan 'Sungai Lereh' mendakwa pencemaran sungai berkenaan turut berlaku hampir setiap tiga bulan.



Aktiviti penternakan lembu dan kambing dipercayai menjadi punca pencemaran Sungai Lereh.

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	7

Subsidi ayam, telur ditarik balik?

Oleh FAHMI FAIZ

utusannews@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Penternak ayam penelur percaya kerajaan tidak akan meneruskan pemberi subsidi kepada mereka dalam usaha menstabilkan pengeluaran bekalan tersebut.

Satu sumber mewakili sebuah ladang pengeluar telur di Lembah Klang mendedahkan, perkara itu semakin jelas apabila borang permohonan tuntutan subsidi dalam bentuk Google Form dalam laman web Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) sudah tiada.

Kata sumber, tindakan kerajaan yang tidak menetapkan dasar sama ada mahu meneruskan subsidi atau tidak, mengundang padah kerana ia menjejaskan operasi pengeluaran telur harian di ladang.

“Sepatutnya, kami mengeluarkan 600,000 sehingga 650,000 biji telur setiap hari. Tapi sebab tidak mampu menampung kos operasi terutama makanan ayam, kini kami cuma mampu menghasilkan 450,000 sehingga 500,000 biji saja telur sehari, menyusut hampir 30 peratus. Ini bukan saja di ladang kami, malah ladang-ladang syarikat lain pun sama,” katanya.

Bagaimanapun, setakat ini, kerajaan belum mengeluarkan kenyataan rasmi berhubung perkara itu.

Katanya, ‘kehilangan’ borang Google atau Google Form yang penternak perlu isi untuk permohonan subsidi itu disedari pada awal bukan ini ketika mereka mahu menghantar permohonan menuntut subsidi.

“Masalahnya, Google Form itu sudah tiada lagi, itulah ramai penternak bising, ada atau tidak subsidi. Kalau ada subsidi, cakaplah ada,” kata sumber di sini, semalam.

Kelmarin, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS), Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, kerajaan akan mengkaji semula keperluan pemberian subsidi kepada penternak ayam dan telur menjelang pertengahan tahun ini.

Beliau berkata, ini kerana sehingga kini, subsidi yang diberikan kepada penternak tersebut sudah mencecah RM1.8 bilion dan dijangka melebihi RM2 bilion menjelang Jun ini.

“Subsidi ini kita berikan sehingga Jun dan menjelang bulan itu kita akan buat kajian sama ada hendak diteruskan subsidi atau ada cara yang lain yang perlu dibuat,” katanya.

Telur 50 sen sebiji selamanya?

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	10

Telur 50 sen sebiji selamanya?

Oleh FAHMI FAIZ
utusannews@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Harga telur ayam dijangka tidak akan turun di bawah 50 sen sebiji selamanya akibat masalah operasi di ladang-ladang telur yang berpunca daripada kegagalan polisi kerajaan dalam memastikan isu kekurangan bekalan diatasi.

Sumber industri yang dihubungi *Utusan Malaysia* mendedahkan, berdasarkan libat urus dengan kementerian serta agensi yang terlibat, ada beberapa ladang telur di Malaysia sekarang ini berlumba-lumba memohon permit mengimport telur dari negara lain.

Menurutnya, permohonan mengimport telur itu dibuat kerana syarikat-syarikat tersebut mempunyai ladang telur di Vietnam dan mereka terdorong untuk membawa masuk telur dari ladang tersebut ke Malaysia susulan polisi kerajaan yang sebelum ini bersetuju membawa masuk telur import dari India.

Kata sumber, dengan kemasukan telur import, ditambah pula isu harga anak ayam serta dedak yang tinggi, pihak industri menjangkakan harga telur akan kekal pada kadar 50 sen sebiji dan



NEGARA dijangka bergantung kepada telur import jika kerajaan masih gagal menetapkan satu polisi yang jitu untuk membantu industri ternakan ayam berkembang.

tidak akan turun lagi.

“Selepas ini, harga telur secara purata akan kekal 50 sen sebiji di seluruh negara dan lama-kelamaan ia akan jadi normal. Rakyat pun sudah muak dengan harga telur yang tak turun-turun walaupun dah macam-macam dibuat.

“Akhirnya rakyat akan pakat reda dan beli saja. Maksudnya, harga telur memang sukar atau

mustahil untuk turun seperti sebelum ini,” kata sumber.

Menjelaskan lanjut, sumber berkata, berdasarkan pengiraan pihaknya, harga telur yang normal selepas ini adalah antara 50 sen hingga 53 sen sebiji.

“Maksudnya, sepapan telur akan jadi RM15 ke atas dan harga itu terpaksa diterima oleh rakyat, maka apa nasib kumpulan berpendapatan rendah?”

katanya.

Dalam pada itu, sumber itu berkata, berdasarkan maklumat yang diterima, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) masih belum membuat ketetapan sama ada akan meneruskan subsidi ataupun mengapungkan harga ayam dan telur bagi menstabilkan industri.

“Namun, oleh kerana kawalan harga ayam dan telur masih diteruskan, jadi kita mohon agar subsidi juga diteruskan,” katanya.

Sumber berkata, pihak industri sudah mencadangkan supaya kawalan harga ditamatkan 31 Disember tahun lepas. tetapi tidak diluluskan.

“Kita cadangkan supaya diteruskan subsidi secara dikurangkan sedikit demi sedikit, sampailah subsidi ditarik balik dan harga ayam dan telur diapungkan,” katanya.

Sumber menambah, kerajaan sepatutnya mempunyai polisi yang jitu dan tidak berubah-ubah, kerana ia akan menjejaskan keyakinan para penternak sama ada mahu meluaskan saiz operasi atau sekadar bertahan dengan kapasiti pengeluaran sedia ada.

Animal dropping polluting river in Melaka

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
UTUSAN	ONLINE	-

Animal droppings polluting river in Melaka

By RSN MURALI
murali@thestar.com.my

MELAKA: Livestock waste is the main culprit behind the contamination of Sungai Lereh here, says a state executive councillor.

Melaka housing, local government and environment committee chairman Datuk Zaidi Attan said an initial investigation by the state Environment Department (DOE) found that cow and goat droppings from a nearby farm had polluted the river.

"We have notified the relevant authorities to carry out a further probe into the matter and take serious action against those responsible," he said yesterday.

Earlier, Klebang assemblyman Datuk Lim Ban Hong said the DOE made the findings after taking samples from the river following complaints from the public.

The department will work closely with the state's Veterinary Services Department to determine if the animal waste had been released into the river according to the standard operating procedure, he added.


"The DOE will further investigate whether the livestock waste or the operation of the retention pond in the farming site conforms to specifications," he said.

Lim said Sungai Lereh pollution was not new to residents, who claimed that it happens a few times a year.

He said he had requested the DOE to conduct regular monitoring along the river because there were agricultural activities in the area, which require a clean water source.

Recently, residents living nearby complained about a stench from the river due to pollution.

One of them, who stays at a high-rise building, also shared pictures that showed the severity of the contamination.



Darkish canal: Sungai Lereh waterway has changed into a dark colour due to the pollution. — Picture taken by a resident, Andrea Geni Finta

Di mana peruntukan ruminan negara?

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
UTUSAN	ONLINE	-

Di mana peruntukan ruminan negara?



Penternak ruminan tertanya-tanya apa dasar kerajaan dalam membangun sektor ruminan susulan tiada peruntukan kepada sektor tersebut selepas tahun 2016.

- Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
- 20 Februari 2023, 7:30 am

PUTRAJAYA: Melihat kepada nilai import daging sebanyak RM4.2 bilion pada tahun 2021, timbul tanda tanya, tiada lagikah program pembangunan ruminan secara besar-besaran untuk membantu penternak menghasilkan daging tempatan seperti kali terakhir dilaksanakan pada tahun 2006. Sebelum ini, setiap kali belanjawan, kerajaan memperuntukkan sekitar RM30 hingga RM50 juta setahun untuk sektor ruminan bagi memastikan negara tidak terlalu bergantung kepada import daging....